

11/10/2003

Bukit Tinggi Resort pinjam lanskap Perancis

Izza Safinaz Ibrahim

MUNGKIN hajat belum kesampaian untuk sesetengah kita mengembara ke Eropah dalam waktu terdekat ini. Maklumlah peruntukannya agak besar selain mengambil masa yang lama untuk menjelajah negara di benua itu.

Bagaimanapun, Bukit Tinggi Resort yang terletak kira-kira 40 minit perjalanan dari Kuala Lumpur, cuba melaksanakan impian warga Malaysia yang ingin merasai suasana negara asing dengan terbinanya Colmar Tropicale.

Apa yang unik, resort cantik itu diilhamkan daripada sebuah perkampungan di Alsace, Perancis. Hotel Colmar adalah sebahagian daripada beberapa projek Bukit Tinggi Resort yang makin mendapat sambutan baik pengunjung tempatan mahupun luar negara. Dengan kedinginannya kawasan bukit-bukau, ia menjanjikan percutian segar.

Bukan sekadar pusat perangan bagi seisi keluarga, Colmar yang meminjam seni bina kurun ke-16, juga sesuai untuk pasangan pengantin berbulan madu.

Selain Colmar Tropicale, tarikan lain di Bukit Tinggi ialah Japanese Village yang terletak di kawasan paling tinggi. Ia dilengkapi Japanese Teahouse, Tatami Spa, Ryo Zan Tei Japanese Restaurant, Ume Tatami Suite dan Botanical Garden. Lebih mengagumkan, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, juga pernah menginap di Ume Tatami Suite.

Kegiatan luar yang tidak harus dilepaskan di Bukit Tinggi ialah bersantai di Rabbit Park. Biarlah anak anda bermain dengan ratusan arnab comel yang jinak. Kelihatan juga rusa yang boleh dibelai dan kaldai untuk tunggangan.

Bagi yang ingin memahirkan diri menunggang kuda, Bukit Tinggi menyediakan beberapa perkhidmatan jelajah kawasan sekitar dan kelas menunggang kuda. Ada 15 kuda di situ daripada baka Quarter, Stock, Mixed Arab Cross, Palomino dan Appaloosa yang diimport dari Australia.

Penggemar golf pula boleh bersukan di padang golf (18 lubang) rekaan J Micheal Poellot. Sambil menghirup udara nyaman, pasti setiap tee-off akan membuat anda tersenyum gembira.

Kompleks Sukan di Bukit Tinggi Golf & Country Club (BTGCC) menyediakan banyak kemudahan riadah seperti pusat boling, kolam renang yang dipanaskan, gelanggang tenis, skuasy, badminton, pusat snuker dan gimnasium.

Anda boleh mencuba permainan Paintball Tag yang kini menjadi aktiviti sukan ekstrem yang digemari remaja selain meredah hutan, menyertai kembara eko dan berjoging. BTGCC turut menyediakan kemudahan penginapan, restoran, bilik mesyuarat dan pusat hiburan.

Pengurus Besar Bukit Tinggi Resort, Teh Ming Wah, berkata tidak lama lagi Bukit Tinggi akan memperkenalkan pula Chateau De Colmar Hotel & Spa yang merangkumi pelbagai kemudahan dalam binaan ilham kurun ke-18.

"Konsep medieval yang ditonjolkan juga bakal memberi satu lagi pengalaman berada di negara asing sebelum beberapa lagi hotel bertema akan diperkenalkan pada masa akan datang," katanya.

Lokasi Bukit Tinggi Resort

Km 48, Persimpangan Bertingkat Lebuhraya Karak, 28750 Bukit Tinggi, Bentong,

Pahang Darul Makmur. Tel: 09-288 8888.

Laman web: www.btresort.com.my